



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (27)

SIARAN MEDIA

PAMERAN “KOLEKSI TETAP: CINTA BUATAN MALAYSIA 79–89”: MENYINGKAP NARATIF SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

4 MAC 2026 – Balai Seni Negara dengan sukacitanya mempersembahkan **Pameran “Koleksi Tetap: Cinta Buatan Malaysia 79–89”**, sebuah pameran yang menampilkan karya-karya terpilih daripada koleksi tetap Balai Seni Negara serta koleksi pinjaman pengumpul seni dan budaya visual. Pameran ini menelusuri fenomena semasa di Malaysia pada era 1979 hingga 1989, di mana aktiviti seni secara visual, filem, muzik, dan sastera menjadi inti pati budaya yang membentuk gaya hidup, pemikiran masyarakat, serta memberi impak kepada ekonomi negara.

Pameran ini dibahagikan kepada tujuh segmen utama iaitu Bakat Muda Sezaman (BMS), filem, perintis dan peneraju semangat zaman, ASEAN, sukan, mural Ibrahim Hussein, serta lokasi dan tempat pembangunan seni budaya. Sebanyak 85 karya dipamerkan, yang menggambarkan kreativiti dan semangat zaman pada era tersebut.

Menerusi pameran ini, Balai Seni Negara membawakan pengalaman unik yang menghubungkan seni dan budaya visual dalam ruang galeri, sekali gus memberikan pemahaman mendalam terhadap naratif sejarah dan evolusi seni visual Malaysia. Selain itu, pameran ini turut menjadi sebahagian daripada inisiatif mengangkat seni dan budaya negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Pameran “Koleksi Tetap: Cinta Buatan Malaysia 79–89” akan berlangsung sehingga **Disember 2028** di **Galeri Tun Razak, Balai Seni Negara**. Orang ramai dijemput hadir untuk menyaksikan karya-karya yang mencerminkan kreativiti dan semangat seni Malaysia, serta menghayati perkembangan seni dan budaya negara pada era 1979–1989.

Untuk maklumat lanjut mengenai program atau pameran yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara, sila layari www.artgallery.gov.my atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my